

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
سُبْحَانَ رَبِّ الْعَالَمِينَ

BAB 2

CITRA SENI KALIGRAFI ISLAM

2.1 PENDAHULUAN

Kesenian merupakan aspek kehidupan masyarakat yang berkaitan dengan perasaan, bersifat universal dan dimiliki oleh semua insan mengikut darjat dan kualiti yang berbeza. Konsep seni dalam kaligrafi Islam tertumpu kepada keindahan dan kebaikan, iaitu indah dan berpadu dengan baik. Seni yang indah, tetapi tidak baik atau boleh mendorongkan kemerosotan nilai-nilai masyarakat ditolak oleh Islam.

2.2 SENI MENURUT KACAMATA ISLAM

Perkataan seni dalam Kamus Dewan membawa maksud halus, tipis dan halus, enak didengar dan comel. Seni juga boleh dianggap sebagai karya yang dihasilkan melalui bakat atau kebolehan mencipta sesuatu yang indah (Teuku Iskandar, 1989:1169). Dalam hal ini, Robin Buckner telah memetik definisi seni daripada *The Macquarie Dictionary*: ‘*The production or expression of what is beautiful (esp. visually), appealing, or of more than ordinary significance*’ (Buckner, Robin, 1995:1).

Manakala seni Islam menurut Zakaria Ali didefinisikan sebagai:

‘...as objects made for patrons by artist or a group of artist whose conception of forms and of function tallied with what was considered proper, in the feudal setting of

kingdoms dominated by Muslims' (Zakaria Ali, 1994:xxv).

Sesuatu kesenian itu juga meliputi keseluruhan yang dapat menimbulkan getaran kalbu rasa keindahan. Seni diciptakan untuk melahirkan gelombang kalbu rasa keindahan manusia (Israr, 1955:8). Keindahan dan kebaikan merupakan faktor yang tidak dapat diasingkan daripada hakikat yang menjadi teras kepercayaan Islam. Ini berdasarkan kepada maksud hadis Rasulullah s.a.w:

"Keindahan tulisan adalah warisan kamu..." (Buku Cenderamata, "Pameran Tamaddun Islam - Pameran Seni Lukis dan Seni Khat", 21 Hb. Mei 1994).

"Sesungguhnya Allah Maha Baik. Dia suka kepada kebaikan" (A. Aziz Deraman, 1986:19).

"Sesungguhnya Allah Maha Indah. Dia suka kepada keindahan" (Shafie Abu Bakar, 1991:1990; A. Aziz Deraman, 1986:19).

A. Aziz Deraman telah memetik pendapat yang dikemukakan oleh Sidi Gazalba (1983:59-60) yang mengatakan bahawa manusia harus membuktikan bahawa dirinya sebaik-baik makhluk kerana manusia itu sendiri adalah refleksi daripada sifat-sifat Allah iaitu *Jamal* dan *Jalal* atau "keindahan" dan "kebaikan" (A. Aziz Deraman, 1986:19).

Perkembangan sejarah kesenian dari zaman dahulu hingga sekarang telah memaktubkan kepercayaan atau agama sebagai sumber inspirasi yang amat besar dan pembangkit daya cipta yang luar biasa untuk mewujudkan sesuatu yang berbentuk kesenian. Perkembangan kesenian juga telah tersebar ke seluruh pelosok dunia Islam dalam pelbagai aspek yang mendokonginya.

Pada asasnya, kepercayaan atau agama telah memanifestasikan beberapa faktor yang penting dalam aspek seni iaitu hakikat, ketulenan atau kesucian, dan kejujuran

yang juga terjalin dalam jiwa seseorang. Manakala faktor yang asas dalam sesebuah karya seni dan jiwa seniman yang tulen ialah nilai kerohanian yang selaras dengan kepercayaan dalam agama. Alam seni yang nyata berpaksikan kepada nilai kerohanian yang menjadi asas. Oleh yang demikian, seni menjadi medan perantaraan yang menghubung satu jiwa (pencipta) dengan satu jiwa yang lain (pengamat). Tambahan pula terdapat sumber-sumber dasar daripada al-Quran dan al-Hadis yang tidak menolak seni daripada dihayati. Umpamanya firman Allah yang bermaksud:

“Katakanlah ! Siapakah yang mengharamkan perhiasan (keindahan seni) kurnian Allah kepada hamba-hambaNya dan menikmati rezeki-rezekinya yang baik ?” (Al-Quran, Al-A’raaf:32).

Mengikut konsepsi Islam juga, seni dihasilkan melalui daya intelektualisme atau aqliah yang menghendaki tunjangan ilmu tersebut membawa kepada fahaman bahawa pembinaan kebudayaan atau tamadun itu dalam pergolakan akal. Ini akan memperkembangkan lagi pemikiran dan ilmu pengetahuan yang bersandarkan kepada ajaran Islam itu sendiri.

2.3 PENGERTIAN KALIGRAFI ISLAM

Kaligrafi merupakan salah satu antara bidang-bidang kesenian Islam yang sangat dihargai oleh umat Islam. Ia berperanan sebagai pemangkin dan mempengaruhi segala cabang seni rupa dalam tamadun Islam. Terdapat berbagai-bagai pengertian dan definisi diberikan kepada kaligrafi ini.

Kaligrafi atau dalam bahasa Inggeris ditulis sebagai *Calligraphy* biasa juga disebut *Kalligraphia*, adalah berasal daripada bahasa Latin, iaitu ‘*kalios*’ yang

membawa erti indah dan ‘*graphia*’ ertinya coretan atau tulisan (Abdul Karim Husain, 1971:8). Kamus Dewan pula mentakrifkan kaligrafi sebagai khat atau seni menulis dengan indah, tulisan tangan yang menghasilkan huruf atau tulisan yang indah sebagai suatu seni (Teuku Iskandar, 1989:522).

Kaligrafi atau seni menulis huruf Arab ini dalam bahasa Arab dikenali sebagai khat yang bererti garisan atau tulisan yang indah, iaitu disebut sebagai *tahsin al-khutut* (Engku Ibrahim Ismail dan Abdul Ghani Shamsuddin, 1992:55). Manakala orang yang ahli dalam menulis indah huruf Arab ini digelar sebagai *Calligrapher* atau dalam bahasa Arabnya ialah *al-khattath* (C. Israr, 1985:137).

Fuad Ifram Al-Bustani mendefinisikan khat atau kaligrafi sebagai tulisan yang menggunakan pen atau selainnya (Fuad Ifram Al-Bustani, 1986:168). Dalam Qamus Idris Al Marbawi, kaligrafi membawa erti ‘menggoreskan atau memasukkan ia (goresan) ke atas sesuatu atau menyurat sesuatu dengan *qalam*’ (Muhd. Idris Abdul Rauf Al Marbawi, t.t:176).

Kaligrafi juga bermaksud ilmu yang memperkenalkan bentuk-bentuk huruf tunggal, letaknya, dan cara merangkainya menjadi satu tulisan yang tersusun, atau apa sahaja yang ditulis di atas garisan-garisan dan bagaimana cara menulisnya serta menentukan mana yang tidak perlu, mengubah ejaan yang perlu diubah dan menentukan bagaimana untuk mengubahnya (Engku Ibrahim Ismail dan Abdul Ghani Shamsuddin, 1992:55).

Manakala perkataan Islam, dari segi bahasa berasal dari akar kata *salima-salama-salamatan* (Al Munjid fi al-Lughah wa al-A’lam (enon.), 1986:347). Perkataan

Islam merupakan *masdar* daripada kata kerja *aslama* yang bererti “*submission, total surrender (to God)*” ataupun penyerahan yang mutlak kepada Tuhan (Encyclopaedia of Islam (enon.), 1978:171). Islam juga dikatakan sebagai “*resignation to the will of God*” (Hughes, Thomas Patrick, 1982:220) atau penyerahan diri, sejahtera, menjunjung suruhan dan menjauhi larangan Tuhan (Mohd. Sanusi bin Hj. Mahmood, 1976:7).

Perkataan Islam sebagaimana yang digunakan dalam al-Quran ditafsirkan sebagai tunduk, menyerah, ketenteraman atau keamanan. Bagaimanapun, mengikut pendapat yang dikemukakan oleh Muhammad ‘Abdu’r-Rauf yang disunting daripada Muhammad ‘Uthman El-Muhammady,

“Konsep dari istilah Islam...bukanlah ketenangan dan bukan juga penyerahan; ia adalah konsep Tauhid, atau lebih tepat, kepercayaan kepada Pencipta. Tuhan, adalah Esa” (Muhammad ‘Uthman El-Muhammady, 1976:7).

Kembali kepada hukum seni Islam yang memberi pengertian yang sederhana terhadap kaligrafi, iaitu merubah kata menjadi bentuk tulisan. Tulisan ini pula akan mengembalikan kata itu kepada makna asalnya, iaitu Allah (keindahan Allah) yang merupakan objek permenungan estetik pertama dan terakhir, serta sumber keseluruhan tujuan. Sebagaimana firman Allah yang bermaksud, “Dia adalah Yang Awal dan Akhir dan Yang Lahir dan Yang Batin” (Al-Quran, Al-Hadiid:3).

Maka, kaligrafi Islam dapat ditafsirkan sebagai kehalusan atau kepandaian menulis dan menyusun huruf-huruf Arab. Ia juga merupakan tulisan indah yang diwarisi oleh masyarakat Islam, terutamanya dalam penulisan mashaf-mashaf al-Quran dan petikan kata daripada bahasa Arab sebagai media komunikasi dakwah Islamiah sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi.

Pada dasarnya Islam menghargai dan menggalakkan kegiatan seni selagi ia tidak bertentangan dengan syiar Islam. Islam sebagai *addin* mencakup pengertian keseluruhan dimensi, bukan hanya sebagai agama ibadat, malah turut mengisi kesenian yang menjadi suatu keperluan hidup manusia. Manusia, dengan sifat nalurinya, sentiasa inginkan keindahan, kecantikan, keindahan dan sejak zaman berzaman lagi mereka telah memberi tempat teristimewa kepada kesenian.

2.4 SEJARAH LATAR BELAKANG SENI KALIGRAFI ISLAM

Apabila mendiskusikan tentang sejarah latar belakang seni kaligrafi Islam, selalunya ia dikaitkan dengan pelbagai teori dan sejarah mengenai kemunculannya, di samping menyentuh beberapa orang tokoh yang menjadi pelopor kesenian Islam itu.

2.4.1 Teori Asal Usul

Terdapat pelbagai pendapat dan teori yang dikemukakan oleh para sarjana mengenai asal usul kaligrafi sebagai suatu kesenian Islam, iaitu:


1. Ada yang mengatakan ia merupakan anugerah daripada Allah s.w.t kepada manusia. Allah s.w.t telah mengajar ilmu dan cara menulis kepada Nabi Adam a.s dan ilmu ini telah diwarisi oleh umat manusia hari ini.
2. Ibn Khaldun pula mempunyai pandangannya sendiri, dengan menyatakan bahawa ia merupakan tulisan jenis masnad berasal dari Yaman yang

kemudiannya berpindah kepada keluarga Munzir di Herat. Tulisan ini lahir pada zaman kerajaan Saba' dan Himyar.

3. Ada yang mengatakan ia berasal dari Herat dan akhirnya bertapak di Hijaz.
4. Ada yang mengatakan ia berasal daripada suku Finiqi (Phunisia), iaitu suku yang mendiami sekitar Laut Putih (Lebanon) yang telah mencipta tulisan yang berasal dari tulisan Mesir purba. Tulisan ini dinamakan sedemikian sesuai dengan nama suku tersebut iaitu tulisan (khat) Finiqi.
5. Ada juga yang berpendapat ia berasal dari tulisan Nabati (Aramai) (Lihat Rajah 1: Teori Asal Usul Tulisan Arab).

Namun, kebanyakan ahli sejarah bersetuju dengan teori yang terakhir, iaitu ia berasal daripada tulisan Nabati. Tulisan ini sampai ke Hijaz melalui dua jalan, iaitu jalan dekat dari Nabati ke Ula, Madinah dan Mekah, dan jalan Jambi melalui Harran ke Lembah Furat, Jamdatul Jandal, Madinah, Mekah dan Taif (Mustafa Haji Daud, 1991:371).

Rajah 1: Teori Asal Usul Tulisan Arab



Sumber: Dipetik daripada C. Israr, *Dari Teks Klasik Sampai Ke Kaligrafi Arab*, Yayasan Masagung, Jakarta, 1985, hlm. 35.

2.4.2 Sejarah Pertumbuhan

Pengaruh al-Quran telah menjadikan seni kaligrafi sebagai seni yang utama dalam kebudayaan dan peradaban Islam. Seni ini merupakan seni yang paling mendapat perhatian masyarakat Islam dan terdapat di seluruh pelosok dunia Islam. Pada awal abad

ke-7 SM, terdapat sedikit perkembangan tulisan di Semenanjung Arab, iaitu tulisan yang ditulis pada kulit binatang dan kulit kayu.

Masyarakat Arab awal yang bersifat nomad mempunyai kemahiran menghafal kata-kata indah (syair) sebagai cara terbaik memelihara pertuturan mereka (<http://islamicart.com/main/calligraphy/origins.htm>). Syair merupakan minat estetik orang-orang Arab yang utama dan menjadi unsur penting dalam kehidupan mereka. Masyarakat Arab juga mengambil bahasa dan kemahiran linguistik yang dimanifestasikan dalam kesusasteraan dan kaligrafi Arab.

Setelah turunnya wahyu kepada Nabi Muhammad s.a.w, langkah awal yang diambil adalah dengan cara menghafal dan mereka yang mempunyai kemahiran menulis telah menulis ayat-ayat dan surah-surah tersebut di atas tanah-tanah kering, batu, tulang, kayu dan bahan-bahan lain. Selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w, usaha untuk mengabadikan al-Quran telah dilakukan oleh Saidina Umar Ibn al-Khattab dan Saidina Abu Bakar, dengan mengarahkan Zaid Bin Thabit supaya mengumpul dan menulis semua surah itu secara tersusun. Kesedaran ini timbul kerana dikhuatiri ayat-ayat al-Quran itu hilang atau musnah.

Minat menulis semakin meluas setelah al-Quran dijadikan sebagai panduan kepada semua asas pemikiran. Ketika sistem ejaan Arab sedang dimajukan, beberapa model dan gaya tulisan telah dicipta. Kufi, iaitu model tulisan terawal berbentuk tulisan bersegi telah dicipta, yang dipercayai berasal dari Iraq pada abad ke-8 H. Ia dinamakan sebagai Kufi iaitu mengambil sempena nama bandar Islam, Kufah iaitu pusat kebudayaan Islam yang pertama (Kuhnel, Ernst, 1970:22) dan dipercayai diambil

daripada tradisi Aramaik dan Syria (Lihat Jadual 1: Carta Masa Bagi Seni Kaligrafi Islam).

Tulisan lain yang telah lama ada tetapi tidak digunakan dalam penulisan al-Quran, iaitu tulisan yang berbentuk bulat dan kursif, hanya digunakan untuk urusan-urusan rasmi. Skrip-skrip bulat ini dipercayai berasal daripada tulisan-tulisan Sinaitik dan Nabataea. Sebagaimana kenyataan yang diambil daripada pelayaran di internet,

“Arabic script is derived from the Aramaic Nabataean alphabet. The Arabic alphabet is a script of 28 letters and uses long but not short vowels. The letters are derived from only 17 distinct forms, distinguished one from another by a dot or dots placed above or below the letter. Short vowels are indicated by small diagonal strokes above or below letters. The Nabataean were semi-nomadic arabs who dwelled in an area extending from Sinai and North Arabia to southern Syria. Their empire included the major cities of Hjr, Petra, and Busra. Although the Nabataean empire ended in 105 A.D., its language and script would have profound impact upon the early development of Arabic script” (<http://islamicart.com/main/calligraphy.origins.htm>).

Kemudian ahli-ahli seni kaligrafi Islam mula menumpukan perhatian untuk mencantikkan bentuk-bentuk tulisan dan memperkembang jenis-jenis tulisan yang baru, dengan asasnya yang bersegi-segi. Pada abad ke-10 M, seniman kaligrafi Islam yang terkenal dari Baghdad, Ibn Muqlah¹, telah membuat perubahan pada sistem pembentukan gaya tulisan kaligrafi kursif Arab supaya ia sesuai untuk penulisan al-

¹ Ibn Muqlah juga dikenali sebagai Imam Khattatin (Bapa Kaligrafi), telah memperkenalkan metod penulisannya iaitu *al-Khatt al-Mansub* yang diaplikasikan dalam enam gaya tulisan utama yang dikenali sebagai *al-Qalam al-Sittah* atau Enam Pena. Gaya itu termasuklah Thuluth, Naskhi, Muhaqqaq, Raihani, Riqa', Tawqi dan Riq'ah. Lihat Albertine Gaur, 1994, *A History of Calligraphy*, London: The British Library, hlm. 90-93. Lihat juga Manja Mohd Ludin dan Ahmad Suhaimi Hj. Mohd. Nor, 1995, *Aspek-Aspek Kesenian Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 5-6. Sila lihat Ibn Muqlah yang

dipetik daripada Welch (1979), *Arabic Calligraphy (Early Calligraphic Development)* yang didapati melalui pelayaran internet pada halaman web di alamat <http://islamicart.com/main/calligraphy/early.htm>.

Quran (Gaur, Albertine, 1994:90). Beliau juga turut memperkenalkan peraturan cara pembentukan huruf-huruf berdasarkan titik tebal.

Pada abad ke-11 M, muncul satu bentuk tulisan iaitu Naskhi yang digunakan untuk dekorasi manuskrip, bangunan dan objek-objek kecil yang lain. Seorang lagi seniman kaligrafi Islam, iaitu Ibn al-Bawwab, telah mengambil inisiatif menggunakan tulisan ini untuk penulisan naskah al-Quran. Kemudian tulisan ini telah diperelokkan lagi oleh seniman kaligrafi Islam yang terkenal, iaitu Yaqut Ibn ‘Abd Allah al-Musta’simi. Beliau juga telah mencipta sistem baru dengan menghasilkan jenis pen dan mata-mata pen untuk maksud penulisan itu (Isma’il R. al-Faruqi dan Lois Lamya’ al-Faruqi, 1992:383-384).

Kemudian muncul gaya tulisan model Thuluth yang digunakan untuk dekorasi bangunan dan objek-objek kecil, garis-garis, tajuk-tajuk, manuskrip al-Quran dan sebagainya. Model Kufi, Naskhi dan Thuluth telah digunakan di seluruh dunia Islam dan disesuaikan dengan kepentingan situasi sesuatu tempat.

Pada abad ke-13 dan ke-14 M, muncul gaya tulisan Ta’liq, Nasta’liq dan Shikastah. Ta’liq bermaksud ‘tergantung’ (*suspension*). Perkembangan Ta’liq telah menghasilkan gaya Nasta’liq (kombinasi gaya Ta’liq dengan Naskhi), iaitu satu bentuk tulisan yang halus dan cantik. Tulisan gaya Shikastah yang bermaksud ‘bentuk berpecah-pecah’ (*a broken form*) telah berkembang di Herat pada sekitar pertengahan abad ke-17 M (Gaur, Albertine, 1994:97). Shikastah biasanya digunakan untuk urusan peribadi, perniagaan dan rasmi dalam bahasa Urdu dan Parsi.

Sementara itu, gaya tulisan Ta’liq iaitu Diwani telah dikembangkan pada akhir abad ke-15 M. Gaya Diwani banyak digunakan untuk dokumen-dokumen rasmi, perisytiharan dan cop mohor rasmi yang dicipta untuk sultan Uthmaniah. Gaya tulisan ini kemudian dikembangkan lagi sehingga muncullah gaya tulisan Diwani Jali yang dikenali sebagai Hamayuni (*Imperial*) oleh seniman kaligrafi Hafiz Uthman.

2.4.3 Tokoh-Tokoh Pelopor

Kesenian kaligrafi Islam telah melahirkan ramai tokoh dan penulis kaligrafi Islam yang penting dalam sejarah peradaban Islam. Memandangkan ruang yang amat terbatas, penulis hanya merakam beberapa orang tokoh penulis kaligrafi Islam dan hasil karya mereka secara ringkas sahaja, iaitu:

1. Zayd Ibn Thabit, setiausaha Nabi Muhammad s.a.w.
2. Ali Ibn Abu Talib (m.d. 661), iaitu seorang Khalifah Rashidun yang terkenal dengan tulisan khatnya yang cantik.
3. Abu al-Aswad al-Du’ali (m.d. 668), beliau dipercayai telah mencipta sistem titik berwarna besar yang digunakan pada zaman awal Islam sebagai penanda vokal.
4. Qutbah al-Muharrir, penulis khat Umayyah yang awal, disanjungi kerana mencipta empat jenis khat utama iaitu *tumar*, *jalil*, *nisf* dan *thuluth*.
5. Khalid Ibn al-Hayyaj, penulis khat rasmi Khalifah Umayyah, al Walid Ibn Abd al-Malik (705-715). Beliau menyalin banyak al-Quran besar dalam bentuk tulisan *tumar* dan *jalil*.
6. Khalid Ibn Ahmad (m.d. 789), iaitu pengembang tanda diakritik.
7. Abu Dahhak Ibn ‘Ajlan (abad ke 8), berbangsa Syria dan pakar dalam tulisan *thuluth*.

8. Ibrahim al-Sijzi (m.d. 815), berbangsa Syria, adik kepada Yusuf, dan merupakan penulis khat yang sangat mahir.
9. Yusuf al-Sijzi (m.d. 825), berbangsa Syria, merupakan murid kepada Ishaq Ibn Hammad; pakar tulisan *thuluth* dan pengembang tulisan *jali*.
10. Khwaja Taj al-Salmani (abad ke 9), berbangsa Isfahan, disanjungi kerana mencipta tulisan *ta'liq*.
11. Al Ahwal al-Muharrir (abad ke 9), murid Ibrahim al Sijzi. Beliau telah mencipta sebilangan tulisan bersurih dan mencipta tulisan *ghubar*.
12. Ali Ibn Ubaydah al-Rayhani (m.d. 834), pencipta tulisan *rayhani*.
13. Abu Ali Muhammad Ibn Muqlah (m.d. 934-940), merupakan murid kepada al-Ahwal al-Muharrir. Beliau adalah pakar tulisan bersurih yang popular pada zamannya iaitu *al-Qalam al-Sittah* serta mencipta kaedah baru menyempurna dan mempiawaikan penulisan huruf Arab yang dikenali sebagai *al-Kattab al-Mansub*.
14. Abu al-Hasan Ali Ibn Hilal, iaitu terkenal dengan nama Ibn Al-Bawwab (m.d. 1022) beliau telah menyempurnakan *al-Sittah* dan menyalin al-Quran lengkap sebanyak 64 kali.
15. Ahmad Ibn Muhammad (Ibn al Khazin – m.d. 1124), merupakan murid generasi kedua Ibn Al-Bawwab dan pakar tulisan *tawqi'* dan *riqa'*.
16. Yaqut al-Mustasimm (m.d. 1298), anak jati Habshah yang pernah menjadi hamba Khalifah Abbasiyyah, al-Musta'sim. Beliau menyempurnakan tulisan kaligrafi awal dan mencipta tulisan baru, juga melatih ramai penulis kaligrafi serta memperkenalkan potongan berbeza tentang pena 'reed'.
17. Mir Ali Sultan al-Tabrizi (m.d. 1416), disanjungi kerana mencipta tulisan *nasta'liq* dan melatih ramai penulis khat yang terkenal.
18. Ibrahim Munir (abad ke 15), merupakan pengembang tulisan *diwani* di Turki.

19. Hamdallah al-Amsi (m.d. 1520), dianggap sebagai penulis kaligrafi yang terbesar pada zaman Uthmaniah dan penghalus tulisan *diwani*.
20. Ismail Ibn Abdullah, terkenal sebagai Ibn al-Zamakjali (m.d. 1386), iaitu penulis kaligrafi jenis *ghubar* yang terkenal.
21. Hafiz Uthman (m.d. 1698), seorang yang berbangsa Turki dan telah mengembangkan tulisan kaligrafi *diwani jali*.
22. Shafi' dari Herat, adalah pencipta gaya susulan kaligrafi jenis *Shikastah*.
23. Darwish Abd al-Majid Taliqani merupakan pakar kaligrafi *Shikastah* yang terkenal.

2.5 PERSPEKTIF ASOSIASI KESENIAN KALIGRAFI ISLAM

Kesenian kaligrafi Islam dapat dilihat daripada pelbagai perspektif hubungan yang telah mendominasi keunggulannya dalam peradaban Islam sejak sekian lama. Antara perspektif utama yang mendasari kesenian tersebut ialah pespektif agama, sufisme, keindahan, penulisan dan teknik menghias.

2.5.1 Agama

Perspektif kaligrafi berpaksikan kepada agama Islam yang berteraskan tauhid, iaitu doktrin yang asasi dalam Islam. Ketauhidan dalam Islam menyangkut keimanan dan membentuk perlakuan menurut hukum syariatnya. Keimanan ini akan membentuk pandangan Muslim tentang metafizik dan kosmologi secara ontologi terhadap keseluruhan kewujudan, bahawa kewujudan ini terdiri daripada alam ghaib dan alam syahadah. Kewujudan alam syahadah merupakan sekelumit daripada alam ghaib yang bersifat sementara dan fana (Shafie Abu Bakar, 1990:95).

Daripada perspektif agama, isyarat-isyarat al-Quran sebagai manifestasi keimanan dan ketauhidan yang berhubung dengan kaligrafi banyak terdapat pada ayat-ayatnya. Al-Quran sendiri beberapa kali menekankan peri pentingnya tulisan *Iqra'* (*Bacalah !*) adalah wahyu pertama yang diturunkan oleh Allah s.w.t untuk mengawal risalah-risalahNya melalui Nabi Muhammad s.a.w (Al-Quran, Al-'Alaq:1-3). Wahyu itu segera disusuli pula dengan pengertian lain, seperti "(Tuhanmu) yang mengajar manusia dengan pena" (Al-Quran, Al-'Alaq:4). Kemudian Allah berfirman lagi yang bermaksud, "Nun, demi pena dan apa yang mereka tulis" (Al-Quran, Al-Qalam:1).

Pengertian-pengertian simbolik tentang pentingnya tulisan turut terdapat dalam al-Quran, misalnya al-Quran yang tertulis dalam *Lauhul Mahfudz* (Al-Quran, Al-Buruuj:21-22, Yunus:61), malaikat yang mencatat perbuatan manusia (Al-Quran, Al-Infithaar:10, Qaaf:16-18), pemberian buku catatan perbuatan manusia pada hari akhirat kelak; perumpamaan seluruh pohon di bumi dijadikan pena tidak akan cukup untuk menulis kekuasaan Allah (Al-Quran, Luqman:27), dan perumpamaan air laut sebagai tinta yang tidak akan cukup untuk menulis kekuasaan Allah meskipun ditambah dengan tujuh kali air laut yang ada di bumi (Al-Quran, Luqman:27, Al-Kahfi:109). Semua ayat tersebut merupakan penghargaan tinggi terhadap pena, tinta, buku, tulisan atau catatan. Jelaslah bahawa kaligrafi mempunyai hubungan yang langsung dengan Allah melalui firman-firmanNya.

Penghargaan terhadap tulisan juga terdapat dalam beberapa Hadis Nabi, umpamanya perkataan *Qalam* (Pena), iaitu mengenai nasib manusia yang telah tertulis dan tidak dapat diubah, *qad jaffa al-qalam* (pena telah kering). Sabda nabi lagi dalam sebuah hadis yang bermaksud, "Ajarilah anakmu membaca dan menulis", dan

penghargaannya terhadap tulisan indah, “Siapa yang menulis *Bismillaahirrahmaanirrahiim* dan memperindahkannya dia akan masuk syurga”.

Kaligrafi Islam dalam perspektif agama juga dilihat sebagai suatu manifestasi semangat agama. Ini bermula daripada pernyataan-pernyataan Allah sendiri dalam al-Quran dan sunnah-sunnah Nabi. Kualiti agama yang suci ini akhirnya menjadi ciri yang sangat tipikal dalam apresiasi kaligrafi dalam peradaban Islam. Tulisan kaligrafi Islam dapat menarik kekaguman indera, kehalusan rasa, kekudusan jiwa dan menjadi simbol agama yang suci, iaitu kesucian (*sacredness*) merupakan elemen sifat tulisan (Ali Akbar, 1995:6).

Kaligrafi Islam juga mempunyai hubungan yang rapat antara aspek agama Islam dengan nilai estetik seni Islam secara umum. Ibadah dan zikir untuk Allah S.W.T yang dilakukan berulang-ulang tercermin dalam pola-pola pengulangan geometri yang memenuhi sebahagian besar permukaan dinding masjid atau istana dalam seni bina Islam. Kaligrafi ayat-ayat al-Quran juga ditulis pada sudut-sudut pandangan tertentu yang diselangi dengan pengulangan, seperti kalimah *Laa Ghaaliba Illallaah* (Tiada yang kuasa selain Allah) di Istana Alhamra, Sepanyol. Pengulangan ini adalah kesinambungan firman Allah yang bermaksud, “Ke mana pun kau menggerakkan wajahmu, di situ terlihat wajah Allah” (Al-Quran, Al-Baqarah:115).

2.5.2 Sufisme

Keistimewaan kaligrafi yang dinyatakan dalam al-Quran mahupun al-Hadis membawa pengaruh yang amat besar bagi apresiasi umat Islam terhadapnya. Kedudukan yang mulia dalam agama menjadikan kaligrafi dipandang sebagai suatu manifestasi

agama. Ini kerana sifat kesuciannya yang paling menonjol dan hal ini amat relevan dengan sufisme dalam Islam, iaitu kedua-duanya saling bertemu mengenai aspek-aspek dalaman agama.

Para sufi yang juga merupakan ahli kaligrafi, adalah mereka yang digolongkan sebagai orang-orang yang paling hampir dengan urusan-urusan dalam penyepian diri dan permenungan (*khawat*). Semasa seseorang sufi tenggelam jauh di alam perenungannya terhadap agama, maka dalam keadaan sedar atau tidak, beliau sebenarnya telah berada dalam wilayah pengalaman yang begitu indah sekali. Apa yang ada pada waktu itu ialah ungkapan kalimat yang sederhana dan keindahan tentang misteri cinta dan keindahan Tuhan. Perenungan ini akan mengekspresikan perasaannya ke dalam tulisan-tulisan indah bersesuaian dengan kaedah-kaedah yang ada pada waktu itu.

Melihat pada aspek makna, kaligrafi mempunyai erti yang sangat dalam dan bervariasi di kalangan ahli-ahli sufi. Pada kelompok *hurufi*, iaitu yang berurusan dengan huruf, huruf-huruf dianggap sebagai simbol dan mempunyai makna yang tertentu. Alif, misalnya dilihat oleh ahli sufi sebagai satu-satunya huruf Ilahi, yang sesuai dengan citra Tuhan. Alif adalah lambang Yang Esa, iaitu bagiNya tiada wujud yang mendahului wujudNya.

Terdapat ramai ahli sufi yang sekaligus menjadi ahli kaligrafi dalam sejarah Islam, misalnya Abdul Karim al-Jalli, Yahya as-Sufi, Pir Ali as-Sufi, Mustaqimzade dan sebagainya. Malah terdapat juga di kalangan ahli kaligrafi yang menjalani hidupnya sebagai ahli sufi yang berkelana ke tempat yang jauh lagi sunyi (Ali Akbar, 1995:9).

2.5.3 Keindahan

Keindahan adalah manifestasi kesempurnaan. Mengharungi keindahan bermakna mengembara mencari kesempurnaan, dan puncak kesempurnaan itu ialah Allah s.w.t. Sesungguhnya keindahan alamiah adalah *hisbi* dan manifestasi Allah adalah bersifat abadi.

Nilai keindahan kaligrafi Islam juga mempunyai makna-makna tertentu yang sangat kompleks. Mengikut pendapat Ali Akbar yang dipetik daripada At-Tauhid, iaitu seorang penulis besar pada zaman Abbasiyah, antara nilai-nilai keindahan tersebut ialah pertama, kaligrafi dianggap sebagai refleksi kebijaksanaan dan kualiti kesempurnaan manusia. Kedua, kaligrafi juga dianggap sebagai mutiara intelek, dan ketiga, kaligrafi merupakan perpaduan antara fikiran dengan perasaan, kualiti intelek dan intuisi (Ali Akbar, 1995:23).

Nilai-nilai keindahan kaligrafi yang lain termasuklah *geometry spiritual*, penggambaran jiwa, cinta, rasa, dan ilusi sifat seseorang. Nilai keindahan dan hakikat kebenaran ini juga mempunyai perkaitan dengan persoalan nilai dan daya intelektualisme atau akal budi. Hal ini bertepatan dengan pendapat yang diutarakan oleh Plato bahawa realiti itu perlu diungkap sebagai pancaran dan manifestasi akal budi yang abadi dan *apriori*. Ini membolehkan umat manusia dalam realiti mengenali dirinya sendiri, kuasa *supernatural* dan kosmos.

Al-Imam al-Ghazali r.a dalam karyanya yang berjudul “*Kimya as-Sa’adah*” yang dipetik oleh Shafie Abu Bakar, menjelaskan bahawa keindahan itu terbahagi kepada keindahan lahir yang bersifat inderawi dan keindahan batin yang dapat ditanggapi

melalui mata hati dan cahaya jiwa. Keindahan ini tidak hanya memberi kepuasan inderawi, bahkan wasilah untuk mendekatkan diri kepada Pencipta Yang Maha Agung, sebagaimana Allah s.w.t dapat didekati dengan wasilah akal, jiwa gabungan dari kesemua unsur ini (Shafie Abu Bakar, 1990:92).

Keindahan ini pula bukanlah semata-mata keindahan inderawi, tetapi keindahan menurut perspektif Islam ialah keindahan yang terpancar daripada nilai tauhid, syariat dan akhlaknya. Tidak dikatakan keindahan jika terkandung di dalamnya unsur-unsur yang bercanggah dengan nilai Islam. Keindahan yang mutlak dalam Islam adalah seumpama lingkaran bulatan yang disusun oleh unsur-unsur keindahan, kebaikan dan lain-lain yang sinonim dari segi maknanya.

2.5.4 Penulisan Kaligrafi Islam

Perkembangan corak lukisan kaligrafi Islam yang banyak mendominasi aneka media bermula daripada sesuatu yang menjadi penilaian terhadap tulisan itu sendiri. Kaedah penilaian sesuatu tulisan ini akan membantu meningkatkan wawasan inspirasi dan akan membawa hasil ciptaan yang lebih dinamis.

Menurut Ali Akbar, Ibn Muqlah telah merumuskan beberapa bentuk untuk menilai sesuatu tulisan yang dianggap benar, iaitu *tawfiyah* (tepat), *itmam* (tuntas), *ikmal* (sempurna), *isyba'* (padat) dan *irsal* (lancar). Manakala peraturan bagi tata letak kata yang baik (*husnulwadh'i*) memerlukan empat perkara, iaitu *tarshif* (tersusun rapat), *ta'lif* (tersusun), *tasthir* (selaras), dan *tanshil* (iaitu bagaikan pedang atau lembing yang indah) (Ali Akbar, 1995:xv).

Kaligrafi Islam memiliki pelbagai gaya yang sesuai dengan gaya kaligrafi itu sendiri. Mustafa Haji Daud dalam kenyataannya yang dipetik daripada Sheikh Abu Haiyan Ali bin Muhammad al-Abbad al-Tauhidi al-Kufi al-Baghdadi, merumuskan secara ringkas bahawa cara penghasilan khat yang baik memerlukan *qalam* yang baik, memberi bentuk kepada huruf (*tahqiq*), lingkungan pada huruf (*tahwiq*), hembusan dan membuka lengkuk-lengkuk huruf (*takhriq*), pembentukan huruf-huruf (*ta'riq*), pemotongan lengkungan dan huruf-huruf yang sama (*tasqiq*), hiasan dan kebersihan huruf (*tanmiq*), kesesuaian menyusun tulisan (*tawfiq*), penetapan dalam menandakan hujung huruf-huruf (*tadfiq*), dan bahagian bagi mengelakkan huruf-huruf itu bercampur aduk (*tafriq*) (Mustafa Haji Daud, 1991:372-373; Buku Cenderamata, “Pameran Seni Khat”, 1975:30).

Selain gaya yang sesuai, seniman-seniman kaligrafi Islam juga memerlukan beberapa peralatan untuk menulis huruf-huruf Arab, iaitu pensel, penggaris, kertas, qalam (Gaur, Albertine, 1994:26), iaitu kayu atau buluh yang hujungnya dibentuk seperti pena, cat, pemadam, pena (*rondschriftpen*), berus dan cat putih.

Sehingga hari ini kaligrafi Islam telah mencapai suatu taraf kesenian yang unggul dan sebagai pencerminan ketamadunan Islam. Penulisan kaligrafi disempurnakan dengan pelbagai kaedah, seperti kaedah penulisan cara baru, cara meletakkan tangan dan teknik menghias seperti teknik jubin, *srucco*, batu alam, kayu, mozek, cat, tinta, sablon dan teknik batik.

2.6 PENGKLASIFIKASIAN KALIGRAFI ISLAM

Kegiatan kesenian kaligrafi Islam bermula daripada awal kemunculannya hingga sekarang memperkenalkan satu klasifikasi dan kepelbagaiannya yang didasari oleh ciri-ciri tertentu. Pengklasifikasian kaligrafi Islam ini dibahagikan kepada lima kategori berikut, iaitu tradisional, imej, ekspresionis, simbolik dan abstraksionis mutlak (Isma'il R. al-Faruqi dan Lois Lamya' al-Faruqi, 1992:391).

2.6.1 Kaligrafi Tradisional

Kaligrafi tradisional mempunyai satu keserasian dengan kebiasaan yang telah lama wujud pada aspek-aspek tetap keseluruhan hasil seni Islam. Salah satu faktor betapa pentingnya mengekalkan tradisi ini ialah keunikan dan kesesuaian dengan tuntutan estetik kesenian Islam.

Antara ciri-ciri yang mendasari kaligrafi ini ialah *arabesque*, iaitu ciri asas yang membentuk corak Islam. Seniman Islam berkecenderungan memilih tema abstrak untuk karya mereka yang disesuaikan daripada pengolahan alam semula jadi, seperti bentuk floral dan geometri (Ilustrasi 1). Ciri-ciri lain ialah modular, penambahan dan pengulangan yang dapat difahami dengan mengkaji bahagian-bahagian yang membentuknya.

Gerakan dan dinamisme juga merupakan ciri-ciri penting seni kaligrafi Islam. Ciri-ciri ini membawa pandangan dan penghayatan sesuatu karya kaligrafi tradisional untuk merasai keestetikaan itu sebagai kesinambungan yang dinamis. Manakala ciri

yang terakhir, iaitu pendalaman yang rumit yang banyak terdapat dalam karya seni kaligrafi Islam kontemporari.

2.6.2 Kaligrafi Imej

Kaligrafi ini menggabungkan corak-corak imej dengan unsur-unsur kaligrafi yang pelbagai gaya. Unsur-unsur ini terhad kepada bentuk-bentuk floral yang dicorak untuk memenuhi sifat abstrak kaligrafi Islam (Ilustrasi 2). Walaupun imej binatang dan manusia terdapat pada bekas dan barang dapur, namun ia tidak dijadikan dekorasi pada naskah-naskah al-Quran, masjid dan seumpamanya.

Seorang seniman kaligrafi Melayu, Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas telah menulis kalimah *al-Basmalah* (Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang) dalam bentuk ayam jantan, seperti yang tertera pada kulit bukunya Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu (1972) dan *Comments on the Re-examination on al-Raniri's Hujjatu'l-Siddiq: A Refutation* (1975), dan dalam bentuk burung pada kulit bukunya *The Mysticism of Hamzah Fansuri* (1970).

2.6.3 Kaligrafi Ekspresionis

Kaligrafi ekspresionis adalah jenis kaligrafi yang dikaitkan dengan gerakan estetik Barat dan manjadikan unsur-unsur emosi yang wujud dalam lakaran kasar dan berlebihan itu sebagai keutamaannya (Ilustrasi 3). Seni kaligrafi ini menekankan emosi manusia, pernyataan perasaan yang subjektif dan perkara-perkara yang bersifat individu. Ia juga menekankan unsur alam tabii, tetapi tidak berkecenderungan untuk mengamati susunan kewujudan yang lebih tinggi.

2.6.4 Kaligrafi Simbolik

Orientasi kesenian dan bentuk kaligrafi ini didominasi oleh pengaruh unsur-unsur Barat yang boleh dilihat pada corak kaligrafi kontemporari yang menggunakan huruf atau perkataan tertentu sebagai simbol sesuatu idea. Idea-idea yang dikemukakan itu lebih memberi penekanan kepada objek daripada mesej yang ingin disalurkan melalui sesuatu tulisan. Melalui bentuk simbolik juga seniman kaligrafi menyampaikan mesej untuk menentang atau mengubah masyarakat.

2.6.5 Kaligrafi Abstraksionis Mutlak

Kaligrafi ini menggunakan huruf-huruf dan corak geometri untuk membentuk mutlak yang bebas daripada makna dan kepentingan tradisional. Huruf-huruf tersebut hanya menjadi unsur sesuatu corak semata-mata dan bebas daripada sebarang makna linguistik (Ilustrasi 4). Sekiranya terdapat corak kaligrafi yang mengutamakan sesuatu makna tertentu, maka ia adalah daripada ciri-ciri ekspresionis ataupun kesan daripada kesusasteraan simbolik.

2.7 VARIASI KALIGRAFI ISLAM

Berdasarkan model tulisan kaligrafi jenis Kufi, ahli kaligrafi yang terkenal semasa Daulah Abbasiyah yang berpusat di Baghdad telah mencipta pelbagai jenis kaligrafi yang menggunakan istilah “qalam”, iaitu *qalam Jalil*, *qalam Dibaj*, *qalam Mudamarat*, *qalam Sijillat*, *qalam Astormar kabir*, *qalam Thalatsin*, *qalam Qasas*, *qalam Zanbur*, *qalam ‘Uhud*, *qalam Hirfaj* dan *qalam Haram* (C.Israr, 1985:81).

Walau bagaimanapun, cabang-cabang kaligrafi jenis Kufi ini mempunyai banyak persamaan. Oleh itu, model huruf yang sama disatukan menjadi model asas kepada enam sahaja yang dikenali sebagai *al-aqlam al-sittah*. Keenam-enam model ini telah dipelbagaikan bentuknya dan akhirnya menghasilkan jenis-jenis kaligrafi, seperti Kufi, Thuluth, Naskhi, Farisi (Ta'liq), Ri'ah, Diwani, Diwani Jali dan Raihani.

2.7.1 Kufi

Prototif awal bentuk kaligrafi jenis Kufi ini telah ada pada zaman sebelum Islam lagi, iaitu dengan bentuk hurufnya yang bersegi atau *muraba'ah*. Ia telah dicipta berdasarkan dua bandar Islam iaitu Basrah dan Kufah pada abad kedua zaman Islam (abad 8 H). Pada zaman Khalifah Ali bin Abi Talib, pusat pemerintahan dipindahkan dari Madinah ke kufah.

Pada masa itu seniman-seniman kaligrafi di Kufah telah menggunakan tulisan ini secara meluas sehingga dikenali dengan nama Kufi. Kufi yang berkembang di sini adalah yang tertua dalam sejarah perkembangan kesenian Islam, iaitu berdasarkan namanya yang mengambil sempena bandar Kufah.

Bentuk awal tulisan Kufi adalah tegak dan digunakan sebagai hiasan pada bangunan-bangunan masjid, kubah dan menara azan. Setelah melalui evolusinya, bentuk tulisan Kufi ini mengalami perubahan daripada bentuk asal yang lurus dan tegak kepada bentuk yang berbunga dan berdaun (Othman Mohd Yatim, 1989:13). Kini terdapat tiga variasi tulisan Kufi iaitu *al-Mukhammal*, *al-Muzaffar* dan *al-Handasi* (<http://islamicart.com/main/calligraphy/styles/kufi.htm>). Penggunaan kaligrafi ini juga

diperluaskan hingga sekarang sebagai hiasan pada majalah, surat khabar, buku, poster, sepanduk dan sebagainya (Ilustrasi 5).

2.7.2 Thuluth

Tulisan ini telah dicipta pada abad ke-7 M dan mengalami pertumbuhan pesat pada akhir abad ke-9 M. Tulisan ini dinamakan Thuluth, iaitu bermaksud “tiga” yang berkemungkinan disebabkan pembahagian bentuk garis lurus kepada melengkung atau tulisannya yang dikira sebagai satu pertiga daripada saiz tulisan Thuluth kontemporari (<http://islamicart.com/main/calligraphy/styles/thuluth.htm>). Menurut S.M. Imamuddin, sudut ukuran huruf tulisan thuluth adalah lebih besar satu pertiga daripada huruf model naskhi,

“Thulut is the ornamental variety of the naskh style. It differs from the naskh only in the proportion of its curves and strokes which are about three times of the sizes of those Naskhi style. It is written in bold curves and wide swinging waves” (S.M. Imamuddin, 1983:16).

Walaupun tulisan model thuluth jarang digunakan untuk menulis keseluruhan al-Quran, namun popularitinya sangat besar untuk tujuan dekorasi seperti penulisan al-Quran pada mashaf al-Uthmani, judul buku atau kitab dan sebagainya. Model ini juga sesuai untuk memperincikan grafik atau lukisan dan amat mudah dilentur (Ilustrasi 6).

2.7.3 Naskhi

Tulisan Naskhi atau disebut juga Nasakh adalah berasal daripada perkataan yang bermaksud “menyalin”, tetapi secara umum bermakna “melengkung” (*cursive*). Tulisan ini menjadi terkenal setelah disempurnakan bentuknya yang indah oleh seniman

kaligrafi yang terkenal, iaitu Al-Wazir Abu Aly Muhammad Ibn Muqlah dan saudaranya Abu Abdullah al-Hassan pada abad ke-10 M. Mereka telah mencipta kaedah dan teknik penulisan dengan menetapkan ukuran panjang, pendek, jarak huruf, gaya irama yang begitu rapi dan terperinci (C. Israr, 1985:83).

Naskhi kemudiannya telah disempurnakan oleh Ibn al-Bawwab dan seniman kaligrafi lainnya ke dalam penulisan al-Quran. Tulisan ini juga telah mendominasi penulisan al-Quran berbanding tulisan daripada model-model kaligrafi yang lain. Naskhi, sebagai salah satu model kaligrafi yang jelas, mudah dibaca dan banyak digunakan untuk penulisan buku-buku akademik seperti al-Quran, Hadis, Tafsir, Fiqh, serta majalah-majalah, akhbar dan untuk tujuan hiasan (Ilustrasi 7).

2.7.4 Farisi (Ta'liq)

Model Farisi atau Ta'liq pada peringkat awal telah dikembangkan oleh seniman kaligrafi dari Parsi dan hanya dikenali sebagai tulisan Arab, iaitu Firamuz (<http://islamicart.com/main/calligraphy/styles/taliq.htm>). Mir Ali Sultan al-Tabrizi, seorang seniman Parsi, telah mengembangkan model Ta'liq ke dalam bentuk yang lebih sempurna, iaitu Nasta'liq. Perkataan Nasta'liq terhasil dari kombinasi dua model kaligrafi, iaitu Naskhi dan Ta'liq.

Model ini banyak digunakan dalam penulisan buku-buku kesusasteraan seperti epik dan antologi Parsi, nama dan judul-judul majalah, surat khabar, buku-buku ilmiah dan hiburan, miniatur dan sebagainya. Ia juga digunakan dengan meluas di Parsi, Pakistan dan India sebagai model tulisan harian dalam surat-menurut dan karangan.

Hal ini juga mempunyai kaitan yang erat dengan tulisan Urdu yang lazimnya ditulis dengan kaligrafi model Farisi (Ilustrasi 8).

2.7.5 Riq'ah

Riq'ah atau Riq'ie merupakan model tulisan Arab yang dikembangkan daripada model tulisan Naskhi dan Thuluth. Walaupun Riq'ah mempunyai hubungan yang rapat dengan model tulisan Thuluth, namun, Riq'ah berkembang dalam arah yang berlainan dan ia telah dipermudahkan. Huruf-hurufnya yang berbentuk geometri adalah seakan-akan model tulisan Thuluth tetapi lebih kecil dan mempunyai banyak lengkungan.

Riq'ah, yang merupakan tulisan kegemaran para seniman kaligrafi Uthmaniyyah dan telah diperlokkan lagi oleh Shaykh Hamdullah al-Amasi (<http://islamicart.com/main/calligraphy/styles/riqa.htm>). Kini, model tulisan Riq'ah digunakan oleh ramai seniman kaligrafi, sehingga ia menjadi begitu popular dan tersebar luas. Selain merupakan tulisan Arab yang dapat ditulis dengan cepat, Riq'ah juga banyak digunakan dalam penulisan surat menyurat (Ilustrasi 9).

2.7.6 Diwani

Diwani bererti catatan atau antologi karangan. Ia didapati daripada inspirasi model-model lain, umpamanya berasal dan berkembang daripada tulisan Riq'ah menjadi tulisan *Musalsal* yang hurufnya berjalin. Model tulisan Diwani muncul sejajar dengan model tulisan Uthmaniyyah, iaitu Shikastah. Tulisan ini telah mengalami pertumbuhan yang besar dan telah disempurnakan oleh seniman Ibrahim Munif pada akhir abad ke-15 M daripada model tulisan Ta'liq Parsi/Turki (Ilustrasi 10).

Model tulisan ini juga telah mencapai kemuncak pertumbuhannya pada abad ke-17 M di bawah seniman kaligrafi yang terkenal, iaitu Shala Pasha (<http://islamicart.com/main/calligraphy/styles/deewani.htm>). Antara seniman-seniman model tulisan Diwani yang terkenal ialah Syeikh Hamadullah al-Amasy, Jalaluddin dan al-Hafiz Uthman.

2.7.7 Diwani Jali

Diwani Jali merupakan salah satu cabang daripada model tulisan Diwani. Ia turut dikenali sebagai model Hamayuni (*Imperial*) atau *Sultaniah* dan telah digunakan dalam penulisan surat-surat rasmi, seperti surat keputusan, surat perjanjian, surat penghargaan, piagam dan sebagainya pada masa Kerajaan Islam di Mesir di bawah pemerintahan Sultan Khedewy (1220 H).

Berbanding Diwani, model tulisan ini amat kaya dengan nilai estetika dan ruang antara huruf-hurufnya dipenuhi dengan tanda-tanda syakal yang sering diaplikasikan dalam pelbagai bentuk yang indah. Oleh itu, model ini dikenali dengan sifatnya yang lebih bervariasi dan terlalu rumit dalam aspek penulisannya. Namun, Diwani Jali merupakan suatu pilihan yang baik dalam penulisan pelbagai tujuan, seperti menghasilkan tulisan yang berbentuk perahu, ikan, burung dan sebagainya (Ilustrasi 11).

2.7.8 Raihani

Model tulisan ini muncul pada abad ke-9 M dan hampir menyerupai model tulisan Thuluth, Naskhi dan Muhaqqaq (Safadi, Yasin Hamid, 1978:72). Huruf-hurufnya adalah lebar dan panjang serta mempunyai tanda-tanda syakal. Model tulisan

ini banyak digunakan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan seni kerana ia mempunyai kepelbagaiannya variasi dan corak dekorasinya (Ilustrasi 12).

2.7.9 At Tughra

Tughra bererti nama sultan yang memerintah dan gelarannya. Pemerintah yang terawal menggunakan model tulisan ini ialah Sultan Murady yang pertama (Sultan Uthmaniah ke-111), sebagai simbol pemerintahan Uthmaniah (Dipetik daripada Mohammed Yusof Abu Bakar, dalam H.M. Bukhari Lubis (ed.), 1998:56-59).

Model tulisan ini telah dicipta pada akhir pemerintahan Abbasiah, yang dikembangkan daripada tulisan Thuluth atau Ijazah. Pada mulanya, ia dicipta sebagai tanda atau mohor sultan dan pernah juga dicipta oleh orang awam untuk menulis nama mereka sendiri. Selain itu, At Tughra juga digunakan untuk mengabadikan ayat-ayat al-Quran, Hadis dan kata-kata hikmat (Buku Cenderamata, “Pertandingan Seni Khat Peringkat Kebangsaan”, 1980: 43). (Ilustrasi 13).

2.7.10 Taj

Model tulisan ini dikembangkan daripada tulisan Naskhi, yang dicipta oleh seorang seniman Mesir, iaitu Muhammad Mahfuz pada zaman Raja Fuad 1, sebagai menunaikan perintah raja itu. Tulisan ini dinamakan Taj yang bererti mahkota, iaitu sesuai dengan pencadangnya pada tahun 1349 H.

Model tulisan ini dianggap sebagai lebih istimewa daripada model tulisan Naskhi dengan adanya bentuk mahkota di atas kepala huruf pada perkataan (Ilustrasi 14). Walau

bagaimanapun, tulisan ini kurang berkembang dan biasanya digunakan untuk menulis surat jemputan, sijil dan tajuk buku (Buku Cenderamata, “Pertandingan Seni Khat Peringkat Kebangsaan”, 1980:44).